

**AKTA HARI KELEPASAN
MINGGUAN 1950
(AKTA 220) &
AKTA HARI KELEPASAN
1951 (AKTA 369)**

(HINGGA 5^{HB} JANUARI 2004)

Akta Hari Kelepasan Mingguan 1950

(Akta 220)

Susunan Eksyen

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Penutupan kedai-kedai.
4. Peruntukan-peruntukan mengenai kedai yang menjalankan lebih daripada satu perniagaan.
5. Penutupan atau hari kelepasan separuh hari tambahan.
6. Hari kelepasan mingguan bagi kedai, restoran dan panggung.
7. Kedai-kedai ditutup pada lima hari tambahan tiap-tiap tahun.
8. Tiada potongan atau kurangan dibuat terhadap gaji.
9. Pentadbiran Akta.
10. Kuasa-kuasa Inspektor.
11. Penalti-penalti.
12. Pengecualian daripada pemakaian Akta ini.
13. Kuasa untuk mengecualikan.
14. Kaedah-kaedah.

Jadual (Seksyen 3)

AKTA HARI KELEPASAN MINGGUAN 1950*
(Akta 220)

Suatu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan mengenai hari kelepasan mingguan bagi orang-orang yang digunakhidmat di kedai, restoran dan panggung.

[1hb Oktober 1951.]

1. Tajuk Ringkas Dan Pemakian.

- (1) Akta ini boleh dinamakan Akta Hari Kelepasan Mingguan 1950.
- (2) Akta ini hendaklah dipakai di Malaysia Barat sahaja.

2. Tafsiran.

Dalam Akta ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“empunya” ertinya pemunya perniagaan terkawal dalam mana-mana kedai atau pemegang lessen mana-mana panggung atau restoran;

“hari” ertinya satu tempoh selama dua puluh empat jam bermula dari tengah malam;

“kedai” ertinya semua premis yang saling berhubung secara langsung atau tempat-tempat berhampiran yang digunakan oleh seseorang untuk-

- (a) Mempamerkan barang-barang untuk jualan sebagai sebahagian daripada mana-mana perniagaan terkawal yang dijalankan olehnya;
- (b) Menyimpan, menyediakan, memproses atau menghilang barang-barang, sebahagian atau kesemua daripadanya yang biasa dijual di dalam urusan mana-mana perniagaan terkawal yang dijalankan olehnya; atau

(c) Apa-apa maksud lain perniagaan terkawal yang dijalankan olehnya, atau, jika hanya sebahagian daripada mana-mana premis atau tempat digunakan sedemikian bererti bahagian itu:

Dengan syarat bahawa istilah “kedai” tidaklah meliputi restoran atau mana-mana bazar bagi maksud-maksud khairat atau awam, atau mana-mana bilik atau bengkel berasingan yang digunakan secara ekslusif untuk menyimpan, menyediakan, memproses atau mengilang barang-barang dari jenis yang biasanya dijual dalam kuantiti yang besar dan bukan sebagai sebahagian daripada perniagaan suatu perniagaan terkawal;

“Kedai tanpa pembantu” ertinya sesuatu kedai dalam mana perniagaan terkawal dijalankan oleh seorang empunya tanpa pembantu selain daripada suami, isteri atau seorang daripada anak empunya itu;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Buruh;

“Malaysia Barat” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam seksyen 3 Akta Tafsiran 1967, dan meliputi Wilayah Persekutuan;

“Minggu” ertinya suatu tempoh di antara tengah malam malam Sabtu dan tengah malam malam Sabtu yang berikutnya;

“Panggung” meliputi mana-mana premis yang terutamanya atau keseluruhannya dimaksudkan untuk menunjukkan gambar bergerak, lakonan drama atau hiburan pentas atau untuk kegunaan sebagai dewan tari-menari;

“Pengurus” ertinya seseorang yang dilantik untuk menjaga atau mengurus suatu kedai, panggung atau retoran;

“Perniagaan terkawal” ertinya mana-mana satu atau lebih daripada tred atau perniagaan yang berikut, iaitu mana-mana tred atau perniagaan runcit (meliputi jualan runcit dengan cara lelong tetapi tidak meliputi jualan program dan katalog serta jualan-jualan lain yang serupa di panggung dan

tempat hiburan), jualan di bawah lesen liquor yang memabukkan, perniagaan broker gadaian, penggunting rambut, pendandan rambut, tukang jahit, pendobi, pencuci kering, tukang celup dan mana-mana perniagaan borong yang diistiharkan oleh Menteri, melalui pemberitahuan dalam warta, menjadi perniagaan terkawal bagi maksud Akta ini;

“Restoran” ertinya sesuatu premis di mana dijalankan perniagaan utama atau keseluruhannya untuk membekalkan makanan atau minuman kepada orang ramai atau satu kelas daripada mereka untuk dimakan atau diminum di premis itu.

3. Penutupan Kedai-Kedai.

(1) Tiap-tiap kedai yang tidak termasuk dalam mana-mana kelas kedai yang disebut dalam Jadual hendaklah ditutup sama sekali sama ada hari Jumaat atau hari Ahad dalam setiap minggu, sebagaimana yang dipilih oleh empunya atau pengurus, dan tiap-tiap orang yang bekerja di dalamnya hendaklah diberi kelepasan sepenuhnya pada hari tersebut:

Dengan syarat bahawa-

- (a) Sebuah kedai tanpa pembantu boleh dibuka pada kedua-dua hari Jumaat dan hari Ahad dalam setiap minggu dengan syarat bahawa sama ada pada hari Jumaat atau hari Ahad dalam setiap minggu empunya sahaja yang melayan pelanggan-pelanggan;
- (b) Ketua Pengarah boleh, atas permohonan yang dibuat kepadanya mengikut cara yang ditetapkan oleh empunya atau pengurus mana-mana kedai, memberi kebenaran bertulis untuk mengambil hari lain dalam mana-mana minggu tertentu bagi menggantikan hari yang telah dipilih oleh empunya atau pengurus tersebut, dan subseksyen ini hendaklah dipakai sewajarnya pada hari tersebut dan bukan pada hari yang telah dipilih dalam minggu itu; dan

(c) Ketua Pengarah boleh, atas permohonan yang dibuat kepadanya oleh empunya atau pengurus, memberi kebenaran bertulis bahawa dalam mana-mana minggu yang tertentu suatu pekerjaan yang ditentukan akan dibuat di dalam mana-mana kedai pada hari yang mana menurut subseksyen ini kedai itu sepatutnya ditutup sama sekali; dan Ketua Pengarah hendaklah, jika dia memberi kebenaran bertulis itu, menentukan hari dalam minggu yang tertentu itu atau di dalam minggu berikutnya supaya semua orang yang membuat kerja yang ditentukan itu diberi kelepasan penuh sebagai ganti kelepasan yang sepatutnya diberikan kepada mereka di bawah subseksyen ini.

(2) Empunya atau pengurus hendaklah menentukan dalam notis, mengikut bentuk yang ditetapkan, hari dalam setiap minggu bila mana sebuah kedai ditutup menurut subseksyen (1) dan hendaklah mempamerkan notis tersebut secara kekal di suatu tempat yang mudah dilihat dalam kedai itu.

(3) Hari yang dipilih oleh empunya atau pengurus menurut subseksyen (1) tidak boleh diubah oleh empunya atau pengurus lebih kerap daripada sekali dalam masa enam bulan.

(4) Empunya kedai tanpa pembantu hendaklah menentukan dalam notis sebagaimana yang ditetapkan hari dalam setiap minggu bila mana dia sahaja akan melayan pelanggan-pelanggan sebagaimana diperuntukkan dalam proviso (a) subseksyen (1) dan hendaklah mempamerkan notis tersebut secara kekal di tempat yang mudah dilihat dalam kedai tanpa pembantu tersebut.

(5) Menteri boleh dari masa ke semasa melalui pemberitahuan dalam Warta menambah, mengubah, atau meminda Jadual.

4. Peruntukan Mengenai Kedai Yang Menjalankan Lebih Daripada Satu Perniagaan.

Jika beberapa tred atau perniagaan dijalankan dalam kedai yang sama, dan mana-mana daripada tred atau perniagaan itu adalah dalam keadaan bahawa sekiranya tred atau perniagaan itu sahaja yang dijalankan dalam kedai tersebut, kedai itu akan dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan seksyen 3, pengecualian hendaklah dipakai kepada kedai itu, tertakluk, bagaimanapun kepada syarat-syarat yang akan ditetapkan.

5. Penutupan Atau Hari Kelepasan Separuh Hari Tambahan.

(1) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, berkenaan dengan semua kedai atau mana-mana kelas kedai yang ditentukan selain daripada kedai tanpa pembantu dan kedai yang termasuk dalam mana kelas yang disebutkan dalam Jadual menghendaki kedai-kedai itu ditutup pada masa-masa tertentu di sebelah petang pada satu hari dalam tiap-tiap minggu sebagai tambahan kepada hari yang diperuntukan oleh seksyen 3.

(2) Apabila mana-mana kedai ditutup di bawah subseksyen (1) tiap-tiap orang yang bekerja di dalamnya hendaklah diberi kelepasan, sebagai tambahan kepada mana-mana hari kelepasan yang diberi di bawah seksyen 3, 6 atau 7, semasa kedai itu ditutup.

(3) Menteri boleh, bagi maksud-maksud seksyen ini menentukan waktu atau hari yang berlainan bagi kedai-kedai yang berlainan atau kelas-kelas kedai yang berlainan atau bagi kawasan-kawasan yang berlainan atau bagi masa-masa yang berlainan bagi tahun itu.

(4) Empunya atau pengurus hendaklah menentukan dalam notis, mengikut bentuk yang ditetapkan, hari dalam setiap minggu bila mana kedai ditutup menurut kehendak sebseksyen (1) dan hendaklah mempamerkan notis tersebut secara kekal ditempat yang mudah dilihat dalam kedai itu.

6. Hari Kelepasan Mingguan Bagi Kedai, Restoran Dan Panggung.

(1) Tiap-tiap orang yang digunakhidmat di mana-mana kedai, restoran atau panggung selain daripada kedai tanpa pembantu atau kelas kedai yang disebut dalam Jadual, hendaklah diberi kelepasan sehari penuh dalam setiap minggu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa dalam seksyen ini terpakai kepada seseorang yang bekerja kurang daripada enam hari dan kurang daripada empat puluh jam seminggu, orang tersebut dianggap telah bekerja pada mana-mana hari yang dia telah bekerja untuk sejumlah masa yang kurang daripada empat jam.

(2) Ketua Pengarah boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, mengecualikan mana-mana kelas pekerja yang tertentu dari pemakaian subseksyen (1).

7. Kedai-Kedai Ditutup Pada Lima Hari Tambahan Tiap-Tiap Tahun.

(1) Sebagai tambahan kepada hari-hari kelepasan lain yang ditetapkan oleh Akta ini, tiap-tiap kedai, selain daripada kedai tanpa pembantu atau kedai yang termasuk dalam mana-mana kelas kedai yang disebut dalam Jadual, hendaklah ditutup sama sekali selama tidak kurang daripada lima hari tiap-tiap tahun yang akan dipilih oleh empunya atau pengurus dan tiap-tiap orang yang digunakhidmat dalam mana-mana kedai tersebut akan diberi kelepasan sepenuhnya pada tiap-tiap hari tersebut.

(2) Empunya atau pengurus hendaklah menentukan dalam notis, mengikut bentuk yang ditetapkan, hari-hari yang dipilih menurut subseksyen (1) dan notis tersebut hendaklah dipamerkan secara kekal di suatu tempat yang mudah dilihat dalam kedai itu.

(3) Sebagai tambahan kepada hari-hari kelepasan yang dikehendaki diberi mengikut seksyen 6 (1) tiap-tiap orang yang digunakhidmat

dalam kedai dari kelas yang disebut di dalam Jadual atau dalam mana-mana restoran atau panggung hendaklah diberi kelepasan sepenuhnya pada lima hari lain dalam setiap tahun yang dipilih oleh empunya atau pengurus.

(4) Jika dalam mana-mana tahun, mana-mana hari yang telah dipilih oleh empunya atau pengurus menurut subseksyen (1) adalah hari di mana kedainya dikehendaki ditutup sama sekali di bawah seksyen 3, maka hari berikutnya bila mana kedai itu sepatutnya dibuka, hendaklah dianggap sebagai hari yang dipilih menurut seksyen (1) dan kedai itu hendaklah ditutup sama sekali pada hari tersebut.

8. Tiada Potongan Atau Kurangan Dibuat Terhadap Gaji.

(1) Tiada apa-apa potongan atau kurangan boleh dibuat terhadap gaji seseorang oleh sebab mana-mana kelepasan yang diberi di bawah seksyen 3, 6 atau 7.

(2) Seseorang yang diberi kelepasan di bawah seksyen 5 hendaklah dibayar gaji yang sepatutnya dia perolehi seolah-olah dia bekerja dalam tempoh yang kelepasan itu diberi pada hari itu.

9. Pentadbiran Akta.

(1) Ketua Pengarah hendaklah menjadi pegawai yang bertanggungjawab bagi pentadbiran am Akta ini.

(2) Ketua Pengarah boleh sama ada secara am atau khusus mengarah mana-mana Pengarah Buruh Negeri atau Penolong Pengarah Buruh Negeri atau, dengan persetujuan Menteri, mana-mana pegawai awam lain menggunakan, melaksanakan atau menjalankan apa-apa kuasa, tugas atau fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, melantik Inspektor-Inspektor bagi maksud-maksud Akta ini dalam kawasan-kawasan tempatan sebagaimana ditetapkan olehnya.

(4) Tiap-tiap Inspektor yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

(5) Ketua Pengarah dan mana-mana Pengarah Buruh Negeri atau Penolong Pengarah Buruh Negeri boleh menggunakan mana-mana atau kesemua kuasa Inspektor.

10. Kuasa-Kuasa Inspektor.

(1) Tertakluk kepada mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Akta ini oleh Menteri, seseorang Inspektor boleh pada bila-bila masa yang munasabah dalam kawasan-kawasan tempatan yang dia dilantik-

(a) Memasuki dan berada dalam mana-mana kedai, panggung atau restoran yang diliputi oleh Akta ini dan dalam mana-mana kuarter, rumah atau tempat-tempat tinggal lain di mana orang-orang yang digunakan khidmat dalam premis-premis tersebut tianggal atau bermalam.

(b) Memeriksa mana-mana kedai, restoran, panggung, kuarter, rumah atau lain-lain tempat tinggal dan mana-mana rekod, daftar atau notis yang disenggara di dalamnya, menurut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 14 (2), dan mengambil dengan serta merta atau dengan cara lain keterangan seseorang yang dianggap perlu bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini.

(2) Seseorang yang ada dalam jagaannya apa-apa rekod, daftar atau notis yang disenggara menurut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 14 (2) adalah wajib mengemukakan rekod, daftar atau notis tersebut apabila dikehendaki oleh Inspektor, tetapi tiada seorang pun

boleh dipaksa untuk menjawab apa-apa soalan sekiranya jawapan itu boleh secara langsung atau tidak langsung melibatkan dirinya.

11. Penalty-Penalty.

Jika sekiranya berlaku apa-apa-

- (a) Pelanggaran terhadap seksyen 3, 5, 6, 7 atau 8 atau apa-apa kehendak yang dibuat dengan wajar di bawahnya;
- (b) Pelanggaran mana-mana kaedah yang dibuat di bawah perenggan (a) atau (c) seksyen 14 (2); atau
- (c) Mungkir syarat yang dikenakan di bawah seksyen 4,

empunya dan pengurus establishmen di mana pelanggaran atau kemungkinan tersebut berlaku, apabila disabitkan boleh dikenakan denda bagi kesalahan pertama, tidak lebih dua ratus lima puluh ringgit, bagi kesalahan kedua, tidak lebih lima ratus ringgit dan bagi kesalahan kali ketiga atau berikutnya tidak lebih daripada satu ribu ringgit.

12. Pengecualian Daripada Pemakaian Akta Ini.

Tiada apa-apa peruntukan dalam Akta ini dipakai bagi premis-premis yang disenggara oleh Kerajaan untuk urusan Pejabat Pos sahaja.

13. Kuasa Untuk Mengecualikan.

Menteri boleh mengecualikan mana-mana premis atau kelas premis daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

14. Kaedah-Kaedah.

- (1) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini.
- (2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan kuasa yang disebut di atas, kaedah-kaedah tersebut boleh-
 - (a) Menetapkan apa-apa yang dikehendaki ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini;
 - (b) Mengawal penggunaan kuasa-kuasa Inspektor dan perlaksanaan tugas mereka.
 - (c) Menghendaki daftar dan rekod disenggara dan menetapkan notis dipamerkan dan establishmen yang diliputi oleh akta ini serta bentuk dan kandungan dan cara bagaimana notis itu dipamerkan.
- (3) Semua kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam Warta dan hendaklah dibentangkan dengan seberapa segera yang boleh dan sesuai di Dewan Rakyat yang boleh, melalui ketetapan, meminda, meluluskan atau tidak meluluskannya. Semua kaedah yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan apa-apa pindaan jika ada, hendaklah mula berkuatkuasa dari tarikh ketetapan yang meluluskan kaedah-kaedah tersebut.

JADUAL
(Seksyen 3)

- (a) Premis-premis yang digunakan untuk menjalankan jualan runcit bahanapi dari pam atau alat ganti bagi kenderaan, atau bagi membaiki atau menservis kenderaan.
- (b) Premis-premis yang digunakan berhubungan dengan pengurusan hal ehwal upacara pengkebumian.
- (c) Premis-premis yang digunakan untuk menjalankan urusan berhubungan dengan farmasi, kimia atau ubat-ubatan.
- (d) Premis-premis yang digunakan untuk keperluan-keperluan kapal bagi membekalkan makanan, barang-barang atau keperluan-keperluan lain bagi kapal apabila kapal berlabuh di pelabuhan atau sebelum belayar.
- (e) Premis-premis untuk disewa sebagai kandang kuda atau garaj.
- (f) Premis-premis yang digunakan bagi perniagaan oleh orang perseorangan atau syarikat untuk membuat air batu.
- (g) Premis-premis yang digunakan untuk jualan suratkhabar atau penghantarannya.
- (h) Premis-premis digunakan untuk jualan dan penghantaran susu segar, krim, daging, ikan, roti, buah-buahan, sayur-sayuran atau bahan-bahan makanan lain yang tidak tahan lama.
- (i) Premis-premis yang digunakan untuk jualan liquor yang memabukkan sebagai sebahagian daripada perniagaan suatu hotel atau rumah tumpangan atau sebagai sebahagian daripada kemudahan suatu kelab.

- (j) Premis-premis yang digunakan untuk menjalankan perniagaan terkawal dan terletak dalam-
- (i) mana-mana lapangan terbang antarabangsa;
 - (ii) mana-mana stesyen keretapi;
 - (iii) mana-mana hotel;
 - (iv) mana-mana aked beli-belah atau kompleks beli-belah sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri atas permohonan.
- (k) Premis-premis yang diduduki oleh pendobi, pencuci kering dan tukang celup.
- (l) Premis-premis yang terletak di dalam mana-mana establishmen tentera Persekutuan dan digunakan oleh mana-mana orang yang diberikuasa untuk menjalankan perniagaan terkawal.
- (m) Premis-premis yang digunakan untuk menjalankan jualan runcit-
- (i) bunga-bunga dan tumbuhan-tumbuhan; atau
 - (ii) binatang-binatang hidup dalam kedai-kedai lain yang sepertinya.
- (n) Premis-premis yang dijadikan Pasar raya dan Cold Storage yang menjalankan perniagaan terkawal sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri atas permohonan.
- (o) Premis-premis yang digunakan untuk jualan dan penghantaran gas dalam silinder-silinder untuk bahanapi.
- (p) Premis-premis yang digunakan untuk jualan colok, kertas jos, lilin dan keperluan-keperluan lain keagamaan atau urusan pengebumian.
- (q) Premis-premis yang digunakan bagi mempamerkan barang-barang untuk jualan berhubungan dengan suatu perniagaan terkawal yang mempunyai sepuluh orang pekerja atau lebih.

- (r) Premis-premis yang digunakan bagi mempamerkan barang-barang untuk jualan berhubungan dengan suatu perniagaan terkawal yang dijalankan oleh syarikat kerjasama yang didaftarkan di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama, 1948.

AKTA HARI KELEPASAN MINGGUAN 1950
(AKTA 220)

SENARAI PINDAAN

Undang-Undang Yang Meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa Dari
PU 542/1951	Pimdaan Jadual	20-9-1951
Ord. 65/1957	Ordinan Hari Kelepasan Mingguan (Pindaan) 1957	15-1-1958
PU 332/1958	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Pengubahaian Undang-Undang) (Ordinan Dan Pengisytiharaan) 1958	13-11-1958
Akta 37/1961	Akta Hari Kelepasan Mingguan (Pindaan) 1961	21-9-1961
PU 286/1962	Pindaan Jadual	15-11-1962
PU 340/1967	Pindaan Jadual	3-8-1967
PU (B) 200/1967	Pindaan Jadual	22-8-1969
PU (B) 240/1929	Pindaan Jadual	3-10-1969
PU (B) 263/1969	Pindaan Jadual	1-11-1969
PU (B) 19/1970	Pindaan Jadual	16-1-1970
PU (B) 87/1970	Pindaan Jadual	10-4-1970
PU (B) 324/1970	Nama Jawatan-Pemberitahuan	1-9-1970
PU (B) 340/1971	Pindaan Jadual	7-10-1971
PU (B) 316/1972	Pindaan Jadual	4-8-1972
Akta 160	Akta Matawang Malaysia (Ringgit) 1975	29-8-1975

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No. Ord. P.T.M. No. 47 Tahun 1950	Tajuk Ordinan Hari Kelepasan Mingguan 1950.
---	---

AKTA HARI KELEPASAN 1951

(Akta 369)

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Hari kelepasan am.
4. Pengecualian daripada hari kelepasan am.
5. Hari kelepasan bank.
6. Pengecualian daripada hari kelepasan bank.
7. Pembayaran, dsb. Pada hari kelepasan am atau hari kelepasan bank.
8. Menteri boleh menetapkan hari-hari khas untuk diterima sebagai hari kelepasan bank atau hari kelepasan am.
9. Hari kelepasan am Negeri dan Wilayah Persekutuan.
10. Pengecualian daripada hari kelepasan am Negeri dan Wilayah Persekutuan.
- 10_A. Kuasa untuk menutup mahkamah, pejabat awam, dsb.

Jadual Pertama – Hari Kelepasan Am

Jadual Kedua – Hari Kelepasan Bank

AKTA HARI KELEPASAN 1951

(Akta 369)

Suatu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan mengenai hari kelepasan am dan hari kelepasan bank.

[31hb Disember 1951.]

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.

(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Hari Kelepasan 1951.

(2) Akta ini hendaklah dipakai di Negeri-Negeri Malaysia Barat sahaja.

2. Tafsiran.

Dalam Akta ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“hari kelepasan mingguan” ertinya hari Ahad atau, di Negeri-Negeri di mana hari Jumaat diterima sebagai hari kelepasan mingguan, hari Jumaat;

“Malaysia Barat” mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya oleh seksyen 3 Akta Tafsiran 1967, dan meliputi Wilayah Persekutuan;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi hari kelepasan am dan hari kelepasan bank.

3. Hari Kelepasan Am

Beberapa hari yang disebut dalam Jadual Pertama hendaklah, kecuali sebagaimana yang diperuntukan kemudian daripada ini, menjadi hari kelepasan am;

Dengan syarat bahawa, kecuali dan melainkan jika-

- (a) Pihak Berkuasa Negeri dalam hal mana-mana Negeri; atau
- (b) Menteri dalam hal Wilayah Persekutuan,

melalui pemberitahuan dalam Warta memperuntukkan selainnya, jika mana-mana hari kelepasan am tersebut jatuh pada hari kelepasan mingguan dalam mana-mana negeri atau dalam Wilayah Persekutuan, maka hari yang berikutnya hendaklah menjadi hari kelepasan am dan jika hari berikut adalah sememangnya hari kelepasan am, maka hari yang berikutnya hendaklah menjadi hari kelepasan am.

4. Pengeculian Daripada Hari Kelepasan Am.

Menteri boleh membuat peraturan-peraturan mengecualikan keseluruhan atau sebahagiannya daripada kuatkuasa Akta ini mana-mana pejabat awam atau mana-mana jabatannya dan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja pejabat atau jabatan tersebut, dan sesudah itu, tertakluk kepada apa-apa batasan sebagaimana yang dikenakan oleh peraturan-peraturan itu, segala perbuatan dan perkara yang berhubungan dengan pejabat awam atau jabatan tersebut boleh dilakukan dan dilaksanakan pada mana-mana hari kelepasan am seolah-olah hari tersebut tidak diisyiharkan sebagai hari kelepasan am menurut kuasa Akta ini.

***5. Hari Klepasan Bank.**

Berhubung hari yang disebut dalam Jadual Kedua hendaklah diterima sebagai hari kelepasan tutup bagi semua bank di Malaysia Barat dan kemudian daripada ini disebut sebagai hari kelepasan bank.

6. Pengecualian Daripada Hari Kelepasan Bank.

Menteri boleh membuat peraturan-peraturan mengecualikan keseluruhan atau sebahagiannya daripada kuatkuasa Akta ini mana-mana bank, dan sesudah itu, tertakluk kepada apa-apa batasan sebagaimana yang dikenakan oleh peraturan-peraturan itu, segala perbuatan dan perkara yang berhubungan dengan bank

tersebut boleh dilakukan dan dilaksanakan pada mana-mana hari kelepasan bank seolah-olah hari tersebut tidak diisyiharkan sebagai hari kelepasan bank menurut kuasa Akta ini.

7. Pembayaran, Dsb. Pada Hari Kelepasan Am Atau Hari Kelepasan Bank.

(1) Kecuali jika diperuntukkan dengan nyata sebaliknya melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau melalui kontrak bertulis, tiada seorang pun boleh pada hari kelepasan am dipaksa membuat apa-apa pembayaran di bawah, atau melakukan apa-apa perbuatan dalam melaksanakan, sesuatu kontrak:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa juga dalam subseksyen ini boleh disifatkan sebagai menyentuh terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah mana seseorang itu diambil bekerja.

(2) Tiada seorang pun boleh pada hari kelepasan bank dipaksa membuat apa-apa pembayaran di dalam atau di sesuatu bank atau melakukan di dalam atau di sesuatu bank apa-apa perbuatan yang memerlukan perkhidmatan bank.

(3) Obligasi untuk membuat pembayaran sedemikian atau untuk melakukan perbuatan tersebut hendaklah terpakai bagi hari yang berikutnya hari kelepasan am atau hari kelepasan bank tersebut yang bukannya hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am atau hari kelepasan bank.

(4) Pembayaran sedemikian yang dibuat dan perbuatan yang dilakukan pada hari berikutnya itu berikutnya itu adalah sama dengan pembayaran wang atau pelaksanaan perbuatan itu pada hari kelepasan tersebut.

8. Menteri Boleh Menetapkan Hari-Hari Khas Untuk Diterima Sebagai Hari Kelepasan Bank Atau Hari Kelepasan Am.

Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang difikirkan patut, menetapkan, berkenaan dengan Malaysia Barat, atau Wilayah Persekutuan atau, selepas berunding dengan Pihak

Berkuasa Negeri, berkenaan dengan sesuatu Negeri, suatu hari untuk diterima sebagai hari kelepasan am atau hari kelepasan bank sebagai tambahan kepada, atau untuk mengantikan, mana-mana hari yang disebut dalam Jadual-Jadual dan sesudah itu Akta ini hendaklah, dalam Malaysia Barat, atau dalam Wilayah Persekutuan, atau dalam Negeri yang berkenaan dengannya suatu hari telah ditetapkan untuk diterima sebagai hari kelepasan seperti yang disebut terdahulu, terpakai bagi hari itu dengan cara yang sama seolah-olah hari tersebut telah disebut dalam Jadual Pertama atau Jadual Kedua, mengikut mana-mana yang berkenaan.

9. Hari Kelepasan Am Negeri Dan Wilayah Persekutuan.

(1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang difikirkannya patut, menetapkan suatu hari untuk diterima sebagai hari kelepasan am Negeri dalam mana-mana Negeri itu, dan hari tersebut hendaklah, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, diterima sebagai hari kelepasan am Negeri dalam mana-mana Negeri itu, dan hari tersebut hendaklah, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, diterima sebagai hari kelepasan am dalam Negeri tersebut.

(2) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang difikirkannya patut, menetapkan suatu hari untuk diterima sebagai hari kelepasan am Wilayah Persekutuan dalam Wilayah Persekutuan, dan hari tersebut hendaklah, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, diterima sebagai hari kelepasan am dalam Wilayah Persekutuan.

(3) Seksyen 7 hendaklah terpakai-

- (a) bagi Negeri itu berkenaan dengan hari kelepasan am Negeri tersebut; dan
- (b) bagi Wilayah Persekutuan berkenaan dengan hari kelepasan am Wilayah Persekutuan tersebut,

sebagaimana ianya terpakai dalam Malaysia Barat berkenaan dengan hari kelepasan am yang ditetapkan di bawah seksyen 3.

(4) Dalam seksyen ini sebutan mengenai sesuatu Negeri atau Wilayah Persekutuan hendaklah termasuk sebutan mengenai mana-mana pecah bahagian yang diiktirah bagi sesuatu Negeri atau Wilayah Persekutuan.

10. Pengecualian Daripada Hari Kelepasan Am Negeri Dan Wilayah Persekutuan.

Pihak berkuasa Negeri boleh berkenaan dengan mana-mana hari kelepasan am Negeri yang diisyiharkan di bawah seksyen 9, dan Menteri boleh berkenaan dengan mana-mana hari kelepasan am Wilayah Persekutuan yang diisyiharkan di bawah seksyen 9, membuat peraturan-peraturan mengecualikan keseluruhannya atau sebahagiannya daripada kuatkuasa Akta ini mana-mana pejabat awam atau mana-mana jabatannya dalam Negeri tersebut atau dalam Wilayah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja pejabat atau jabatan tersebut dan sesudah itu, tertakluk kepada apa-apa batasan sebagaimana yang dikenakan oleh peraturan-peraturan itu, segala perbuatan dan perkara yang berhubungan dengan pejabat awam atau jabatan tersebut boleh dilakukan dan dilaksanakan dalam Negeri tersebut atau Wilayah Persekutuan pada sebarang hari kelepasan am Negeri atau sebarang hari kelepasan am Wilayah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah hari tersebut tidak disyiharkan sebagai hari kelepasan am Negeri atau hari kelepasan am Wilayah Persekutuan menurut kuasa Akta ini.

10A. Kuasa Untuk Menutup Mahkamah, Pejabat Awam, dsb.

(1) Bagi maksud memudahkan mengadakan apa-apa pilihanraya di bawah Akta Pilihanraya 1958, Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam Warta atau dengan apa-apa cara sebagaimana yang difikirkannya patut, berkenaan dengan mana-mana Negeri, selepas berunding dengan pihak Berkuasa Negeri, atau berkenaan dengan Wilayah Persekutuan, mengarahkan penutupan mana-mana mahkamah, pejabat awam atau jabatan sebagaimana yang difikirkannya patut pada

mana-mana Negeri atau Wilayah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Bagi maksud memudahkan mengadakan apa-apa pilihanraya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pemilihan orang untuk menjadi ahli-ahli Dewan Undangan, Pihak Berkuasa Negeri selepas berunding dengan Menteri, boleh, melalui perintah dalam Warta atau dengan apa-apa cara sebagaimana yang difikirkannya, mengarahkan penutupan mana-mana mahkamah, pejabat awam atau jabatan sebagaimana yang difikirkannya patut pada mana-mana hari yang dinyatakan dalam perintah itu dan sesudah itu perintah tersebut hendaklah berkuatkuasa dalam Negeri itu.

(3) Seksyen 7 hendaklah terpakai berkenaan dengan segala perbuatan dan perkataan dan perkara yang berhubungan dengan mana-mana mahkamah, pejabat awam atau jabatan yang ditutup mengikut mana-mana perintah yang dibuat di bawah seksyen ini seolah-olah mana-mana hari yang dinyatakan dalam perintah tersebut adalah hari kelepasan am yang ditetapkan di bawah seksyen 3.

(4) Dalam seksyen ini sebutan mengenai sesuatu Negeri atau Wilayah Persekutuan hendaklah termasuk sebutan mengenai mana-mana pecahan bahagian yang diiktiraf bagi sesuatu Negeri atau Wilayah Persekutuan.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 3)

HARI KELEPASAN AM

Hari Keputeraan Nabi Mohamed (s.a.w.)

Hari Kebangsaan atau Hari Kemerdekaan.

Tahun Baru Cina (satu hari bagi Negeri-negeri Kelantan dan Terengganu, dua hari bagi Negeri-Negeri lain).

Hari Wesak.

Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong.

Hari Raya Puasa (2 hari).

Hari Raya Haji (dua hari bagi Negeri-negeri Kelantan dan Terengganu, satu hari bagi Negeri-Negeri lain).

Hari Deepavali.

Hari Krismas.

JADUAL KEDUA

(Seksyen 5)

HARI KELEPASAN BANK

1hb Januari (atau hari berikutnya jika 1hb Januari jatuh pada hari kelepasan mingguan bagi mana-mana Negeri atau Wilayah Persekutuan).

1hb Julai (atau hari berikutnya jika 1hb Julai jatuh pada hari kelepasan mingguan bagi mana-mana Negeri atau Wilayah Persekutuan).

AKTA HARI KELEPASAN 1951

(AKTA 369)

SENARAI PINDAAN

Undang-Undang Yang Meminda	Tajuk Ringkas	Berkuatkuasa Dari
LN 124/1952	Notification under section 8 of the Holidays Ordinance 1951	20-3-1952
LN 335/1952	Notification under section 8 of the Holidays Ordinance 1951	18-6-1952
FM Ord. 18/1955	Holidays (Amendment) Ordinance 1955	20-4-1955
FM Ord. 60/1956	Settlements Nominated Council (Change of Title) Ordinance 1956	1-9-1956
LN (NS) 53/1957	Notification under section 8 of the Holidays Ordinance 1951	31-10-1957
LN 332/1958	Federal Constitution (Modification of Laws) (Ordinances and Proclamations) Order 1951	13-11-1958
LN 135/1960	Notificatioan under section 8 of the Holidays Ordinance 1951	23-6-1960
PU (A) 278/1974	Federal Teritory (Modification of Holidays Ordinance) Order 1974	1-2-1974

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No.	Tajuk
FM Ord. 55 of 1951	Holidays Ordinance 1951.
PU (A) 278/1974	Schedule to Federal Territory (Modification of Holidays Ordinance) Order 1974